

MAKALAH **مقالة الدعوة** DAKWAH



مسجد جامعة الأمة
Masjid Universiti Rakyat



PERCUMA

BIL. 8 / 17 Februari 2012 - 24 Rabi'ul Awwal 1433

Masjid Abidin (Masjid Negeri), Jalan Masjid, 20100 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman
No. Telefon : 09 - 623 1771 No. Fax : 09 - 622 1690 Website : www.masjidabidin.org.my



AMALAN BERPUASA:

GALAKAN DAN HIKMAH DISEBALIKNYA

Oleh: Ustaz Wan Khairul Aiman Bin Wan Mokhtar
Pegawai Masjid (Imam i),
Masjid Abidin (Masjid Negeri), Terengganu Darul Iman

Falsafah Puasa

Berpuasa ialah salah satu ibadat yang utama dalam agama Islam. Malah apabila menjelang Ramadan, puasa menjadi satu kefarduan kepada umat Islam kerana termasuk sebagai salah satu rukun daripada rukun-rukun Islam. Sebagai persiapan seorang muslim yang berusaha menanam dan menambah bekalan diri untuk akhirat, Rasulullah S.A.W telah meninggalkan kepada kita banyak peninggalan hadis Baginda yang menggalakkan kita supaya memperbanyakkan puasa.

Berpuasa ialah sebaik-baik aktiviti yang dapat melatih diri dan mengawal hawa nafsu. Di samping itu, melalui amalan ini juga seseorang hamba itu akan dapat menjernihkan hatinya, mengawal pergerakan anggota badan serta dapat mengaktifkan diri dalam aktiviti-aktiviti ibadat.

Semua amalan yang dilakukan oleh seseorang hamba itu mempunyai had dan kadar yang ditentukan melainkan puasa. Sesungguhnya puasa itu tidak dikadarkan dan tidak dihadkan pahalanya. Ini kerana, Nabi S.A.W telah bersabda:

"كُلُّ عَمَلِ ابْنِ آدَمَ يُضَاعَفُ لَهُ: الْحَسَنَةُ عَشْرًا مِثْلَهَا إِلَى سَبْعِمِائَةٍ ضِعْفٍ، قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: فَإِنَّهُ لِي وَأَنَا أَجْزِي بِهِ، يَدْعُ شَهْوَتَهُ وَطَعَامَهُ مِنْ أَجْلِي، لِلصَّائِمِ فَرْحَتَانِ: فَرْحَةٌ عِنْدَ فِطْرِهِ، وَفَرْحَةٌ عِنْدَ لِقَاءِ رَبِّهِ وَخَلُوفُ فَمِّ الصَّائِمِ أَطْيَبُ عِنْدَ اللَّهِ مِنْ رِيحِ الْمِسْكِ."

Maksudnya: " Setiap amalan anak Adam itu digandakan baginya: setiap satu kebaikan digandakan dengan sepuluh kali ganda sehingga tujuh ratus kali ganda. Allah Ta'ala telah berfirman: sesungguhnya puasa adalah bagiKu dan Akulah yang akan membalas dengannya (kebaikan). Ini kerana, seseorang insan itu meninggalkan syahwatnya dan makanannya kerana Aku. Dan bagi orang yang berpuasa dua keriang, keriang ketika waktu berbukanya dan keriang ketika bertemu Tuhannya. Sesungguhnya mulut orang yang berpuasa lebih harum daripada bau kasturi di sisi Allah Ta'ala. "

Perhatikanlah lafaz hadis di atas ... "sesungguhnya puasa adalah bagiKu dan Akulah yang akan membalas dengannya (kebaikan)." Dan berfikirilah kita semua pada janji yang Allah Ta'ala tetapkan kerana Allah sekali-kali tidak memungkir janji.

Kelebihan Berpuasa

Sabda Rasulullah S.A.W:

إِنَّ فِي الْجَنَّةِ بَابًا يُقَالُ لَهُ الرَّيَّانُ، يَدْخُلُ مِنْهُ الصَّائِمُونَ

Maksudnya: " Sesungguhnya di dalam Syurga, terdapat satu pintu yang dinamakan al-Rayyan. Maka orang yang berpuasa akan masuk melaluinya. "

Bukan setakat ganjaran pahala yang banyak, tetapi Allah Ta'ala juga telah menyediakan pintu khas bagi orang yang berpuasa keranaNya.

Rasulullah S.A.W juga ada menyatakan bahawa puasa yang dilakukan adalah sebahagian daripada sifat sabar yang ada di dalam diri. Kesabaran yang dimaksudkan adalah sabar ketika menahan diri daripada perkara yang membatalkan puasa dan sabar daripada melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah S.W.T.

Nabi S.A.W bersabda:

الصَّوْمُ نِصْفُ الصَّبْرِ

Maksudnya: " Sesungguhnya puasa itu separuh daripada kesabaran. "



Oleh itu, sebagai seorang umat yang mengikut sunnah yang ditinggalkan oleh Baginda S.A.W adalah amat digalakkan untuk kita selalu berpuasa.

- ❖ **Jumlah yang baik:** Adalah sebanyak tiga kali sebulan seperti pada hari-hari Putih iaitu pada tarikh 13, 14 dan 15 haribulan mengikut kalendar hijriah setiap bulan.
- ❖ **Jumlah yang terbaik:** Adalah puasa setiap Isnin dan Khamis setiap minggu.
- ❖ **Jumlah yang terlebih baik sekali:** Adalah puasa selang yang dikenali dengan puasa Nabi Daud a.s.

Bersempena dengan bulan kelahiran Nabi S.A.W yang mulia ini juga, marilah kita mengambil keberkatan darinya melalui ibadah yang mulia ini. Sedangkan Rasulullah S.A.W sendiri walaupun Baginda seorang Penghulu bagi sekalian Nabi, namun Baginda pun amat menitikberatkan amalan ini. Seharusnya kita yang tidak *maksum* ini lebih peka akan kelebihan yang terkandung dalam amalan puasa ini dengan selalu melakukan amalan puasa yang berterusan kerana Allah S.W.T.

MAKLUMAN!

Makalah Dakwah adalah suatu penulisan ringkas berbentuk ilmiah yang diterbitkan dua minggu sekali di bawah Unit Dakwah & Informasi, Masjid Abidin (Masjid Negeri), Terengganu Darul Iman. Makalah Dakwah boleh didapati pada setiap hari Jumaat minggu pertama dan ketiga setiap bulan mengikut kalendar Masehi di dewan solat muslimin dan muslimat. Sebarang teguran daripada muslimin dan muslimat amatlah dialu-alukan bagi menambah baik penurusan penqimarah masjid.

Terbitan : Unit Dakwah & Informasi, Masjid Abidin (Masjid Negeri), Terengganu Darul Iman